

Perasmian Sambutan World Bamboo Day Malaysia 2014 – 23 September 2014

Jumaat, 21 November 2014 08:55



- MALAY VERSION ONLY -

TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATO NORIAH BTE KASNON
TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN
DAN KOMODITI MALAYSIA

SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN WORLD BAMBOO DAY MALAYSIA 2014

PADA 23 SEPTEMBER 2014 (SELASA)
DI TAMAN BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR

Terima kasih Saudara/i Pengacara Majlis.
Assalamu'alaikum warahmatullahi wa barakatuh,
Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

YBhg. Datuk Seri Hj Ahmad Phesal Bin haji Talib
Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL)

YBrS Dr. Jalaluddin Harun
Ketua Pengarah
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin dan para hadirin yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) yang mengambil daya usaha menganjurkan sambutan World Bamboo Day 2014 (WBD 2014) pada hari ini.
2. Saya difahamkan tujuan utama penganjuran WBD ini adalah untuk meningkatkan kefahaman mengenai kelebihan buluh dan potensi industri buluh yang boleh diterokai oleh para usahawan industri kayu di Malaysia. Di dalam NATIP juga di tekankan supaya industri kayu di Malaysia dapat menerokai sumber hasil rimba selain kayu yang masih banyak terdapat di hutan kita, dimana ianya termasuklah buluh, rotan, pelbagai pokok palma dan sebagainya. Disini pentingnya inovasi dan kreativiti dalam menghasilkan produk yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi jika ianya di usahakan dengan idea atau karya yang mempunyai nilai pasaran. Kita patut memumpuk kepentingan inovasi dan kreativiti di kalangan usahawan industri kayu dan pihak profesional seperti perekabentuk, arkitek, jurutera, dan pengubal polisi serta pelajar supaya dapat menggunakan sumber alam ini bagi menghasilkan produk yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi. Kemungkinan pihak industri kita dan masyarakat umum di negara ini belum mencapai tahap terdesak untuk menggunakan sumber alam ini ke tahap maksimum kerana sumber bahan mentah masih banyak terdapat di negara ini. Kalau kita lihat kreativiti di kalangan pengiat industri kayu di negara jiran kita iaitu Indonesia, dimana mereka akan menggunakan semaksima mungkin sumber alam untuk di ubah menjadi produk yang mempunyai nilai pasaran. Jika di ambil contoh produk buluh, mereka bukan sahaja menggunakan batang buluh tetapi sehingga akarnya akan di gunakan untuk menghasilkan produk kraf. Saya akan sentuh kemudian nati tentang kepelbagaian produk buluh yang boleh di ceburi oleh pengusaha industri kayu di Malaysia.

Hadirin yang dihormati,

2. Saya dimaklumkan oleh pihak penganjur bahawa penganjuran WBD pada tahun ini merupakan sambutan ke tiga semenjak sambutan pertama pada tahun 2012. Pada sambutan tahun 2012, WBD Malaysia telah mendapat pengiktirafan dari World Bamboo Organization (WBO) sebagai penganjur World Bamboo Day terbaik di dunia di kalangan 26 buah negara yang menyambutnya dan pada tahun 2013 saya difahamkan sambutan WBD melibatkan empat program satelit yang telah dijalankan bermula daripada 14 sehingga 21 September 2013. Aktiviti pada tahun lepas dipenuhi dengan penganjuran Simposium Buluh Kebangsaan, Pameran dan Promosi Produk Buluh, Program Mengenali Buluh untuk para pelajar turut diadakan di Petrosains, KLCC oleh Bamboo Malaysia Sdn Bhd. Sambutan pada tahun ini pula tidak kurang hebatnya dan akan dipenuhi dengan sambutan kemucak pada hari ini iaitu melibatkan penanaman buluh sebagai sambungan aktiviti tahun lepas dan juga pameran produk buluh. Kesemua aktiviti ini bermatlamat untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai potensi buluh dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara dan buluh sebagai bahan mesra alam.

Hadirin yang dihormati,

3. Sektor perindustrian kayu merupakan salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara di mana produk berasaskan kayu diekspor dengan nilai secara purata sebanyak RM20 billion setahun. Produk berasaskan kayu telah diekspor kepada lebih daripada 160 negara di mana produk utama yang diekspor merupakan papan lapis, kayu gergaji dan perabot. Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) yang dilancarkan pada tahun 2009 telah mensasarkan nilai eksport sejumlah RM53 billion bagi produk berasaskan kayu menjelang tahun 2020. Eksport produk kayu pada tahun 2013 hanya mencatat nilai RM 19.53 billion, dan nilai ini adalah RM 14.91 billion kurang dari nilai sasaran NATIP pada tahun 2013, iaitu RM 34.44 billion. Sementara itu, unjuran nilai eksport 2020 berdasarkan prestasi eksport sebenar, menerusi model Holt-Winter's Trend & Seasonality hanyalah RM 21 billion sahaja, iaitu kurang RM 31 billion dari nilai sasaran RM 53 billion. Sehubungan dengan itu ada kewajarannya untuk industri kayu di Malaysia untuk melihat kepelbagaian sumber alam yang lain seperti buluh sebagai sumber produk yang boleh di eksport dari Malaysia.

4. Berkaitan dengan industri buluh, saiz pasaran eksport keluaran buluh di Malaysia pada masa ini adalah masih rendah berbanding dengan produk keluaran hutan lain. Secara purata, eksport produk buluh untuk tempoh 10 tahun kebelakangan ini adalah bernilai RM350,000 setiap tahun sahaja berbanding dengan pengimportan produk buluh ke Malaysia yang dianggarkan secara purata dari RM1.5 juta sehingga RM 2.0 juta setahun. Produk-produk berasaskan buluh utama yang diekspor adalah masih dalam bentuk produk-produk asas. Buat masa ini, terdapat lebih 100 buah bengkel atau kilang pemprosesan buluh yang beroperasi di Malaysia dan kebanyakannya merupakan industri kecil dan sederhana yang terletak berhampiran dengan kawasan yang mempunyai banyak sumber buluh.

Hadirin yang dihormati,

5. Industri buluh di Malaysia mempunyai potensi untuk dimajukan dengan pengeksportan produk-produk nilai tambah ke pasaran antarabangsa. Bagi memudahkan pertumbuhan industri ini, MTIB telahpun melaksanakan strategi-strategi yang digariskan di bawah Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia, 2011-2020. Di bawah pelan tindakan, teras strategi meliputi penubuhan ladang buluh dan melestarikan sumber asli sedia ada, pembangunan modal insan, pembangunan aktiviti hiliran, penyelidikan dan pembangunan dan Promosi.

6. Dalam aspek memastikan bekalan sumber buluh berterusan dapat diwujudkan MTIB telah menyediakan kemudahan pinjaman mudah bagi penanaman buluh di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan yang dikendalikan oleh Kementerian saya. Bagi melatih tenaga kerja dalam industri buluh, Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) bersedia melatih tenaga kerja dalam industri buluh tempatan. MTIB juga sentiasa berkerjasama dengan pengusaha buluh dalam menganjurkan program latihan yang sesuai. Pada masa sekarang penggunaan buluh sebagai bahan fabrik telah mendapat permintaan yang tinggi daripada pengguna. Sehubungan dengan itu Pusat Biokomposit dan Fiber (FIDEC) akan meneruskan kajian dalam menilai potensi buluh Malaysia dalam penghasilan produk berasaskan gentian. Saya juga ingin memaklumkan YB Menteri MPIC dan Ketua Pengarah MTIB baru sahaja balik dari lawatan kerja ke China dimana aktiviti utama lawatan berkenaan adalah untuk melihat kemajuan industri buluh di negara berkenaan. Lebih dari 50 % eksport produk buluh global yang dianggarkan bernilai USD 11 billion di eksport oleh China. Banyak

penambahbaikan diatas perancangan pembangunan industri buluh Malaysia diperolehi hasil dari lawatan kerja berkenaan.

7. Bagi menjamin kelestarian produk kayu yang ditawarkan, Kementerian saya melalui MTIB telah mengambil inisiatif membangunkan satu rangka kerja berkaitan peralihan industri kayu daripada OEM kepada ODM dan OBM khususnya perabot. Satu Roadmap berkaitan sedang dibangunkan oleh Kementerian dengan kerjasama pelbagai agensi yang menggariskan antara lain, kerjasama dengan negara pengeluar perabot terkemuka yang unggul dengan konsep rekabentuk seperti Itali. Penghasilan produk ODM/OBM ini termasuklah produk dari buluh dimana pada masa sekarang MTIB sedang berkerjasama dalam penghasilan prototaip produk buluh khususnya perabot dengan pihak pengusaha industri ini.

Hadirin yang dihormati,

8. Bagi memberi kefahaman tentang kepelbagaian spesies buluh yang terdapat di Malaysia, saya difahamkan bahawa satu kerjasama antara MTIB, TESCO dan DBKL telah dimeterai dalam membangunkan sebuah Taman Buluh (Bamboo Garden) di Taman Bukit Jalil. Taman Buluh yang telah dimulakan inisiatifnya pada tahun lepas ini akan menempatkan kesemua spesies buluh yang terdapat di Malaysia. Kerjasama ini juga merupakan komitmen bersama MTIB dan TESCO di bawah program Penghijauan Bumi yang dilaksanakan bersama-sama dengan DBKL. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada MTIB, TESCO dan DBKL atas inisiatif ini.

9. Untuk mewujudkan kesedaran dan penerimaan produk-produk buluh di Malaysia, pihak penganjur akan juga meneruskan sambutan World Bamboo Day di Malaysia bagi tahun-tahun yang akan datang. Langkah ini akan membolehkan inovasi-inovasi dalam produk-produk berasaskan buluh dipamerkan. Dalam masa yang sama, saya difahamkan Malaysia bercadang untuk menganjurkan World Bamboo Congress (WBC) pada tahun 2018 selepas penganjuran WBC 2015 di Korea Selatan. Perancangan bagi penganjuran WBC 2018 adalah satu inisiatif usahasama di antara MTIB, FRIM, UPM dan beberapa agensi kerajaan yang lain.

10. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur di atas pengendalian sambutan WBD 2013. Saya juga menyeru para hadirin sekalian supaya menggalakkan ahli keluarga dan kenalan menggunakan produk-produk berasaskan buluh agar dapat meningkatkan kesedaran mengenai buluh, yang merupakan satu sumber alam semula jadi dan mempunyai potensi menyumbang kepada menjana pertumbuhan ekonomi dan peluang-peluang pekerjaan kepada negara.

Dengan itu, sukacitanya saya merasmikan program sambutan World Bamboo Day Malaysia 2014. Sekian terima Kasih.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi,
23 September 2014.